

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

HIA 101 Pengantar Islam

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab TIGA [3] soalan. SOALAN NO. 1 WAJIB dijawab dan DUA [2] soalan yang lain.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

Setiap soalan hendaklah disokong oleh dalil-dalil yang sarih daripada al-Qur'ān dan al-Hadīth.

1. Islam adalah al-Dīn yang syumul yang berteraskan tawhid dan selaras dengan nilai-nilai fitrah yang murni. Bincangkan.
2. Para rasūl Allāh adalah Khalīfah Tuhan yang utama. Setiap rasūl mendukung konsep tawhid yang murni dan prinsip perjuangan mereka adalah sama. Bincangkan.
3. Bincangkan perkara-perkara berikut:
 - (a) Konsep penyerahan diri kepada Allāh dalam dua bidang utama iaitu:
 - i. Penyerahan diri dalam bidang aqidah.
 - ii. Penyerahan diri dalam bidang syari'ah dan Undang-undang.
 - (b) Apakah hakikat iman dan Islam dan bagaimanakah hubungan antara keduanya yang dikehendaki oleh al-Qur'ān dan al-Sunnah.

4. Al-Qur'ān menyarankan agar umat Islam sentiasa memelihara ibadah **ṢOLĀT** dan **ZAKĀT**. Hubungan yang erat antara keduanya akan menimbulkan kesan yang besar jika keduanya diabaikan. Berdasarkan pernyataan ini bincangkan perkara-perkara berikut:
- (a) Pandangan beberapa 'ulamā' mu'tabar terhadap golongan yang meninggalkan **ṣolāt** dan **zakāt** sekaligus.
 - (b) Bagaimana solat dapat membentuk akhlak mulia.
 - (c) Hubungan di antara **ṣolāt** dan **zakāt** adalah amat erat, kedua-duanya dituntut oleh syari'at Islam.
5. (a) Prinsip utama dalam usaha membangunkan institusi keluarga Islam ialah memenuhi keperluan individu dan masyarakat. Kebahagiaan institusi ini adalah bergantung kepada pendidikan. Bincangkan.
- (b) Rasūl Allāh s.'a.w. bersabda maksudnya:

"Wanita itu dikahwini kerana empat sebab, iaitu kerana hartanya, keturunannya, kecantikan rupa parasnya dan kerana agamanya. Rasul Allah s.'a.w. memberi keutamaan kepada agama kerana ianya akan menjamin kebahagiaan"

Bincangkan maksud hadith ini dalam konteks matlamat perkahwinan menurut Islam.

-ooooOoooo-